



14 MAY, 2024

## Azrai 'mesin gol' Speedy Tigers



Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2



**PEMAIN**  
Malaysia, Muhammad Azrai Alzad Abu Kamal diasak pemain New Zealand Brydon David (kiri) pada Kejohanan Piala Sultan Azlan Shah ke-30 di Stadium Hoki Azlan Shah.  
- UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SHAH MUSTHafa

# Azrai 'mesin gol' Speedy Tigers

Oleh ROZAIDI ZULKIFLI  
rozaidi.zulkifli@mediamula.com.my

**IPOH:** Impian penyerang skuad hoki lelaki negara, Muhammad Azrai Alzad Abu Kamal untuk memburu gelaran penjaring terbanyak di Piala Sultan Azlan Shah (PSAS) tercapai selepas meledek lapan gol di kejohanan berkenaan.

Azrai yang kini diangkat sebagai 'mesin gol' buat Speedy Tigers meledek lapan gol termasuk ketika beliau melakar hat-trick dalam dua perlawanan menentang Pakistan dan New Zealand pada aksi liga sepusting itu.

Paling membanggakan, pencapaian pemain berusia 24 tahun itu berjaya mengatasi idolanya sendiri iaitu penyerang paling berpengalaman, Faizal Saari yang menyumbang tiga gol pada saingan kali ini.

Azrai yang memiliki 75 caps bersama skuad senior dan telah meledek 28 gol sepanjang penampilannya bersama Speedy Tigers berkata, beliau sememangnya meletakkan sasaran untuk menjaringkan gol dalam setiap perlawanan yang diharungi.

"Saya tidak letak sasaran terlalu tinggi, cuma bagi setiap perlawanan, saya akan sasar untuk meledek sekurang-kurangnya satu gol. Jika dapat jaringan lebih daripada itu, ia kira bonus untuk saya."

"Saya tidak menganggap ia ketajaman semula jadi, tetapi segalanya berpihak kepada saya ketika situasi di depan gawang lawan," katanya.

Untuk rekod, Azrai turut cemerlang di liga domestik apabila muncul sebagai penjaring terbanyak di Liga Hoki Malaysia (LHM) untuk dua musim berturut-turut ketika mewakili Tenaga Nasional Berhad (TNB) iaitu 40 gol pada musim lalu

serta 32 gol musim ini.

Bagaimanapun di sebalik kejayaan peribadinya itu, Azrai gagal membantu Speedy Tigers mempertahankan kejuaraan yang dimenangi dua tahun lalu selepas Malaysia sekadar menamatkan saingan di kedudukan keempat apabila tewas 2-3 kepada New Zealand pada penentuan tempat ketiga, kelmarin.

Lebih menggejarkan, dirinya gagal menyempurnakan penalti stroke pada perlawanan itu yang mungkin akan mengubah nasib skuad negara sekiranya peluang keemasan itu dapat disempurnakan, namun Azrai mahu segera melupakan detik hitam itu.

"Saya jenis seorang yang jika gagal menjaringkan gol, saya perlu teruskan seperti biasa. Nak buat macam mana...sebab ia adalah lumrah dalam sukan ini," katanya yang mengakui, itu kali pertama gagal menyempurnakan penalti stroke.